

Memartabatkan permainan warisan Melayu

Teks dan gambar: ALI MAHMOOD

u.m 4/06/07 M/S 2

KAMPUNG Sanggang ialah sebuah kampung tradisional Melayu terletak berhampiran Sungai Pahang di daerah Temerloh, Pahang. Sekali pandang kampung ini sama seperti kampung tradisional Melayu yang lain dan tidak mempunyai sebarang keistimewaan yang boleh dibanggakan oleh penduduknya.

Namun begitu bagi peminat gasing, Kampung Sanggang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri kerana ia menjadi tumpuan pemain gasing tempatan dan juga dari seluruh negara.

Di kampung itu terdapat dua buah gelanggang permainan dan pertandingan yang menjadi tempat anak-anak tempatan termasuk pelajar-pelajar sekolah berlatih dan bermain gasing setiap petang di gelanggang yang dibina oleh Majlis Perbandaran Temerloh (MPT).

Bagaimanapun gelanggang itu tidak terbina dengan sendirinya tanpa perjuangan bagi memelihara warisan permainan tradisional Melayu sejak ratusan tahun dahulu.

Terbinanya gelanggang ini adalah hasil perjuangan seorang insan bernama Jais Rozali, 54, yang ingin melihat permainan dan pertandingan gasing mendapat tempat yang sewajarnya di negara ini.

Jais atau lebih dikenali sebagai Pak Ngah bukan seorang tokoh sejarah ataupun sasterawan negara, beliau hanyalah seorang pesara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang berhasrat untuk membawa permainan gasing



PEMAIN gasing wanita terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Teknik Sanggang membuat demonstrasi di Festival Gasing Malaysia 2007 di Dataran Temerloh, Pahang, baru-baru ini.

ke arena antarabangsa.

Beliau bukan sahaja ingin memperkenalkan permainan tradisi orang Melayu itu kepada dunia tetapi Pak Ngah ingin melihat gasing menjadi salah satu acara sukan yang dipertandingkan sehingga ke peringkat Sukan Asia, mahupun Olimpik.

budaya dan agama," kata Jais.

Pak Ngah dari Biro Kewangan, Persekutuan Gasing Malaysia (PEGAMA) telah memulakan usaha itu sejak beliau bersara daripada perkhidmatan TUDM 16 tahun lalu.

Namun kata beliau, usaha itu bukan mudah kerana permainan dan pertan-

lah membina dua buah gelanggang pertandingan gasing di Dataran Temerloh.

"Sebelum MPT meluluskan pembinaan gelanggang gasing itu, PEGAMA telah berjanji untuk menjadikan bandar Temerloh sebagai pusat Festival Gasing Malaysia. Alhamdulillah, setelah mendapat sokongan KeKKWa dan juga PEGAMA, akhirnya festival itu berjaya dianjurkan pada tahun 2004 dan pada bulan April baru-baru ini.

"Kejayaan penganjuran festival gasing itu mendorong PEGAMA untuk menjadikan permainan gasing sebagai salah satu kokurikulum di sekolah rendah dan juga menengah," kata beliau.

KeKKWa telah membawa hasrat PEGAMA kepada Kementerian Pendidikan dan pada dasarnya ia telah dipersetujui supaya permainan gasing dapat dikembangkan bukan sahaja untuk memelihara warisan tradisi tetapi berharap usaha untuk menjadikan gasing sebagai permainan sukan bertaraf dunia mencapai kejayaan.

Bagi Pak Ngah usaha untuk membawa permainan gasing ke Sukan Asia dan Olimpik bukan angan-angan Mat Jenin kerana sebelum ini beberapa jenis sukan tradisi permainan rakyat berjaya diketengahkan dalam Sukan Asia seperti sepak takraw, woodball, wusyu dan *petauq*.

"Tidak ada sebab kenapa pertandingan gasing tidak boleh dijadikan sebagai salah satu acara di Sukan Asia dan Olimpik dengan syarat kita perlu mem-



JAIS Rozali (kiri) dan Mohammad Morezan melakukan demonstrasi memangkah gasing lawan.

>> MOHAMMAD Norezan menunjukkan kemahirannya memusing gasing di atas ibu jari.

“Bagaimanapun sebelum kita membawa permainan dan pertandingan gasing ke Sukan Asia atau Olimpik, permainan gasing perlu diperkenalkan terlebih dahulu di kalangan rakyat negara ini seperti Orang Cina, India, Khadazan, Dusun, Melanau dan sebagainya.

“Untuk mencapai cita-cita tersebut, permainan dan pertandingan gasing tidak boleh lagi terkongkong sebagai permainan tradisonal orang Melayu semata-mata.

“Permainan dan pertandingan gasing perlu menerima perubahan supaya permainan ini menjadi satu acara sukan riadah yang dimainkan oleh semua bangsa di dunia tanpa mengira kaum,

dingan gasing tradisional mempunyai pelbagai bentuk, peraturan dan undang-undang yang berbeza-beza mengikut negeri dan daerah.

Katanya, setiap persatuan di peringkat daerah dan negeri tidak mahu menerima perubahan bagi mengadakan satu permainan dan pertandingan gasing yang seragam dari segi reka bentuk, pengadilan dan juga undang-undang perlawanan.

“Mereka tidak bersetuju kerana bimbang dan takut keaslian permainan atau identiti asal permainan gasing akan pupus. Bagaimanapun sejak beberapa tahun kebelakangan ini hasil kesepakatan pesatuan gasing peringkat negeri, PEGAMA dan juga Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa), usaha ke arah pembaharuan berjalan lancar.

“KeKKWa berpendapat permainan dan pertandingan gasing sebagai warisan tradisional permainan rakyat perlu dipertahankan dan pada masa yang sama ia juga perlu melakukan perubahan sebagai usaha untuk menjadikannya salah satu acara sukan,” kata Pak Ngah.

Bagaimanapun Pak Ngah tidak kecewa apabila usahanya itu turut disokong oleh penduduk kampung, Persatuan Gasing Pahang (PEGAPA), Presiden PEGAMA, Datuk Ismail Sabri Yaakob dan juga kerajaan negeri.

Hasil perjuangan itu, MPT te-

buat pindaan dan pembaharuan dalam permainan dan pertandingan gasing supaya peraturan, undang-undang, pengadilan dan rekabentuknya di selaraskan.


“Namun pada masa yang sama kita perlu memelihara warisan asal permainan gasing mengikut mengikut daerah dan negeri masing-masing,” kata Pak Ngah.

Tambahnya, usaha KeKKWa menganjurkan Festival Gasing ASEAN perlu disokong kerana ia boleh menjadi laluan untuk memperkenalkan permainan gasing di rantau ini sebelum ia di bawa peringkat yang lebih tinggi lagi.

Bagaimanapun kata beliau, sebelum festival dan pertandingan itu dapat dilaksanakan, peraturan pertandingan dan reka bentuk gasing diantara negara-negara ASEAN juga perlu diselaraskan supaya ia seragam.

Usaha untuk menganjurkan Festival Gasing ASEAN diumumkan oleh Timbalan KeKKWa, Datuk Wong Kam Hoong semasa berucap menutup dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang di Festival Gasing Malaysia 2007 di Dataran Majlis Perbandaran Temerloh, baru-baru ini.


Katanya, tujuan KeKKWa mengadakan Festival Gasing Malaysia 2007 ialah untuk memberikan pendedahan mengenai permainan tradisional yang begitu popular suatu ketika dahulu sebagai usaha memupuk dan memelihara permainan warisan ini kepada remaja dan kanak-kanak.



GASING TOYOL



GASING TANJUNG



GASING KUNO



GASING KELANTAN



GASING BEGELAN



GASING LANG LAUT



WONG Kam Hoong (dua dari kiri) menyampaikan hadiah kepada peserta dari Selangor yang menjadi juara kategori Dewasa di Festival Gasing Malaysia 2007 di Dataran Temerloh, Pahang, baru-baru ini.

INFO GASING

PERMAINAN gasing dipercayai berasal daripada buah berembang yang berbentuk bulat dan leper serta boleh berpusing dengan ligat jika dipusingkan dengan tangan. Buah berembang kemudiannya digunakan untuk bertanding dan buah yang mampu berpusing dengan ligat dan mengambil masa yang lama dikira sebagai pemenang.

Malah dipercayai ilham reka bentuk gasing yang diperbuat daripada kayu beberapa tahun berikutnya ditiru daripada bentuk buah berembang.

Dalam pertandingan, gasing kayu yang menggantikan peranan buah berembang telah dipusingkan dengan tangan sekuat mungkin bagi membolehkan gasing berputar dengan ligat. Pusingan yang ligat itu disebut sebagai 'gah' yang bermaksud tegak dan kuat berpusing.

Di negeri Kedah, permainan gasing dipercayai berasal daripada permainan 'laga telur' yang dimainkan oleh kanak-kanak dan daripada situ timbul ilham untuk mencipta gasing yang diperbuat daripada kayu mengikut bentuk telur.

Gasing itu kemudiannya telah dipasangkan paksi serta menggunakan tali bagi memusingkannya kerana memusing menggunakan tangan tidak ligat dan tidak tahan lama.

Bentuk Gasing

Terdapat tiga asas reka bentuk gasing iaitu gasing telur, gasing jantung dan gasing berembang. Daripada bentuk-bentuk ini, pelbagai reka bentuk kemudiannya telah dicipta oleh pemain gasing di seluruh negara berdasarkan keperluan dan keligatan gasing itu.

Gasing telah diberikan nama berdasarkan sifatnya yang berbeza dan kadang kala nama ini berlain antara satu sama lain biarpun sifat dan bentuknya sama.

Terdapat 12 jenis gasing, antaranya ialah Gasing Bergelen yang berbentuk piring dan rendah. Gasing ini merupakan gasing Jawa yang diperbuat daripada kayu jenis ringan seperti leban atau gelam.

Gasing Toyol banyak dimainkan di Melaka. Gasing ini diberikan nama toyol kerana peranannya yang sering mengganggu, mengacau dan mencuri. Dalam permainan, gasing toyol mesti dipangkah dahulu jika



JAIS Rozali menggunakan kayu daripada pokok tualang untuk membuat gasing.

tidak ia akan mengganggu gasing-gasing lain.

Gasing tanjung mempunyai fungsi yang sama seperti gasing toyol kerana fungsinya untuk mengacau dan popular di daerah Muar, Johor. Di Selangor, gasing ini dinamakan sebagai gasing labu lemak dan diperbuat daripada kayu keranji, kempas, cengal dan merbau.

Gasing kuno pula popular di Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Selangor dan juga Johor. Reka bentuknya masih dipengaruhi buah berembang serta digunakan sebagai gasing pemangkah dan diperbuat daripada kayu merbau, ru, meranti dan keranji.

Gasing pacitan pula ialah gasing berunsur Jawa dan popular di Johor tetapi di Selangor ia tetapi dikenali sebagai gasing bunut.

Gasing Lang Laut juga popular di Johor dan Selangor. Bentuknya berfungsi seperti helang yang menyambar dari atas dan turut juga di kenali sebagai petek-petek.

Gasing uri banyak terdapat di Kelantan dan bentuk asasnya kecil sahaja dililit dengan simpai dengan menggunakan timah, besi atau plumbum.

Sementara itu, tali gasing daripada jenis benang, sama ada benang kapas, nilon atau jerami yang diperbuat daripada kayu kulit pokok.

Panjang tali ini berbeza mengikut bentuk tali dan gasing yang digunakan. Panjangnya mengikut negeri dan keselesaan pemain.



JAIS Rozali menggunakan mesin untuk menghalusi bentuk gasing.



MOHAMMAD Norezan menarah kayu tualang bagi membuat bentuk asas gasing sebelum ia dilarik menggunakan mesin.

FESTIVAL GASING

FESTIVAL Gasing Malaysia 2007 yang dianjurkan di Dataran Majlis Perbandaran Temerloh dari 19 hingga 22 April lalu adalah kesinambungan Kejohanan Gasing Kebangsaan yang pernah dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan (KeKKWa).

Kejohanan Gasing Kebangsaan dianjurkan bertujuan sebagai usaha untuk memulihara, membangun dan mengembangkan seni permainan gasing agar tidak pupus.

Festival Gasing Malaysia 2007 yang merupakan secara dwitahunan itu berlangsung selama tiga hari itu dengan sertai oleh 356 peserta dari seluruh negara kecuali negeri Kedah. Pasukan dari Selangor muncul juara keseluruhan bahagian dewasa dan pasukan Pahang menjadi naib juara serta Melaka di tempat ketiga.

Sementara itu, juara bahagian remaja turut diungguli oleh pasukan Selangor, kedua Negeri Sembilan dan ketiga pasukan dari Melaka.